

Ajal remaja bersama daun ketum

23 September 2019

Maut selepas kereta dipandu rakan langgar sebuah lori ikan

Ajal remaja bersama daun ketum

Oleh YATIMIN ABDULLAH

TANAH MERAH – Seorang remaja berusia 16 tahun maut selepas kereta Proton Waja dipandu rakannya yang sarat membawa muatan daun ketum berlanggar dengan sebuah lori ikan di persimpangan Yap Boon Yang di sini semalam.

Dalam kejadian pada pukul 5.50 pagi itu, remaja yang duduk di bahagian belakang kereta maut serta-merta di lokasi kejadian akibat kecederaan parah.

Sementara itu, pemandu kereta berusia 33 tahun pula patah kaki kanan dan sedang dirawat di Hospital Tanah Merah.

Ketua Polis Daerah Tanah

Merah, Deputy Superintendan Suzaimi Mohamad berkata, pemandu lori yang berusia 37 tahun dan kelindannya berusia 21 tahun tidak mengalami sebarang kecederaan.

Menurutnya, siasatan awal mendapati sebelum kejadian lori jenis Isuzu dari arah Jalan Padang Siam menghala ke arah Jalan Wan Ahmad di sini.

“Setibanya di lokasi kejadian, Proton Waja itu dipercayai melanggar bahagian kanan lori dan menyebabkan kenderaan itu terbalik ke kiri jalan.

“Kesan perlanggaran itu mengakibatkan penumpang hadapan kereta meninggal dunia di tempat kejadian,” katanya ketika dihubungi di sini semalam.

Suzaimi memberitahu, mayat


mangsa yang berasal dari Kampung Kubur Datu, Jeli dihantar ke Hospital Tanah Merah untuk bedah siasat.

“Semasa kejadian, kereta berkenaan membawa daun ketum yang beratnya masih dalam siasatan.

“Punca sebenar kemalangan itu masih dalam siasatan dan kemalangan tersebut disiasat mengikut Seksyen 41(1) Akta Pengangkutan Jalan 1987,” katanya.

Kenderaan yang terlibat ditahan untuk pemeriksaan di Pusat Pemeriksaan Kenderaan Berkomputer (Puspakom).

“Daun ketum itu pula dibawa balik Ibu Pejabat Polis Daerah Tanah Merah untuk siasatan lanjut,” ujarnya.



KEADAAN kereta Proton Waja yang membawa muatan daun ketum selepas berlanggar dengan sebuah lori ikan di persimpangan Yap Boon Yang, Tanah Merah semalam.